KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	15/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	-			

Bas elektrik ke arah negara neutral karbon

PETALING JAYA: Bagi menangani perubahan iklim dunia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil inisiatif menempah 60 bas elektrik bagi mencapai sasaran negara neutral karbon.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, buat permulaan perkhidmatan bas itu akan diberi percuma oleh GoKL yang bergerak sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya sebelum diperluas ke seluruh negara selepas itu.

"Kenderaan ini dijadual dihantar secara berperingkat mulai tahun ini sebelum lengkap penghantaran sepenuhnya pada 2023.

"Saya berharap langkah DBKL ini dicontohi oleh syarikat penyediaan perkhidmatan bas yang lain seperti Prasarana bagi membantu kerajaan mencapai sasaran negara neutral karbon," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Beliau berkata demikian selepas melawat kilang integrasi bas elektrik yang merupakan salah satu inisiatif pemain industri dalam membantu kerajaan mencapai sasaran tersebut.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Malaysia disasar menjadi negara neutral karbon sewal-awalnya pada 2050, malah, di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Bajet 2022 beliau telah menyebutkan perkara itu beberapa kali.

"Bagi mencapai hasrat ini, semua pihak harus memainkan peranan dalam memastikan Malaysia seiring dengan usaha negara lain untuk mencapai matlamat global untuk menangani isu perubahan iklim," katanya.

Utisan 15.1.2022_3